

FENOMENA PEMERDAGANGAN WANITA DI MALAYSIA

THE PHENOMENON OF WOMEN'S TRAFFICKING IN MALAYSIA

Muhammad Amirul Abd Rahaman*

Faculty of Tarbiyah, Sunan Giri Islamic Institute

Jl. Jendral A. Yani No. 08, Kebomas,
Gresik, East Java 61124, Indonesia.

Riki Rahman

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Samsudin

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

*Corresponding Author's Email: amirulabdrahaman@gmail.com

Article History:

Received : 19 March 2025

Accepted : 10 April 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Abd Rahaman, M. A., Rahman, R. & Samsudin. (2025). Fenomena Pemerdagangan Wanita di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 256-265.

ABSTRAK

Pemerdagangan wanita bagi tujuan eksplorasi seksual merupakan senario serius yang melanda dunia secara global. Sangat membimbangkan lebih-lebih lagi apabila sejarah telah meunjukkan bahawa pemerdagangan wanita telah berada di rantau Asia Tenggara berkurni lamanya. Di Malaysia, pemerdagangan wanita atas tujuan eksplorasi seksual telah lama berlaku semenjak zaman sebelum kemerdekaan dan sehingga kini, jenayah pemerdagangan masih lagi berlaku. Pemerdagangan wanita dilihat sebagai satu bentuk jenayah tercancang yang menakutkan serta turut melibatkan jaringan global yang sangat luas yang memberi ancaman terhadap keselamatan insan di Malaysia. Data dikumpul melalui analisis kepustakaan menggunakan enjin pencarian seperti Google Scholar dan Elsevier. Kaedah snowball atau bebola salji turut digunakan dengan menganalisis senarai rujukan daripada artikel-artikel yang diperoleh bagi mendapatkan artikel yang lebih banyak sebagai rujukan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji fenomena eksplorasi

pemerdagangan wanita untuk mengenal pasti punca pemerdagangan wanita di Malaysia. Kajian ini diharap dapat membantu kerajaan dalam menangani jenayah pemerdagangan wanita bagi menjaga hak dan keselamatan mangsa seterusnya dapat meningkatkan keselamatan negara.

Kata kunci: pemerdagangan, wanita, eksplorasi seksual, jenayah terancang, keselamatan insan

ABSTRACT

The trafficking of women for sexual exploitation is a serious global issue. This is particularly concerning as history has shown that the trafficking of women has existed in the Southeast Asian region for centuries. In Malaysia, the trafficking of women for sexual exploitation has been occurring since the pre-independence era and continues to this day. Human trafficking is regarded as a highly alarming, organized crime that involves an extensive global network, posing a significant threat to human security in Malaysia. Data for this study was collected through a literature review analysis using search engines such as Google Scholar and Elsevier. The snowball method was also employed by analyzing reference lists from the obtained articles to find additional relevant sources. This study aims to examine the phenomenon of human trafficking for sexual exploitation to identify the root causes of women's trafficking in Malaysia. It is hoped that the findings of this study will assist the government in combating human trafficking, protecting the rights and safety of victims, and ultimately enhancing national security.

Keywords: trafficking, women, sexual exploitation, organized crime, human security

1.0 PENGENALAN

Isu pemerdagangan wanita merupakan senario serius yang melanda dunia secara global kerana pemerdagangan wanita tidak hanya berlaku di negara Malaysia, malah turut berlaku pada negara-negara maju. Bakri (2010), menyatakan bahawa pemerdagangan orang berada di tahap yang semakin membimbangkan dengan anggaran hampir 2.5 juta manusia dari 127 buah negara telah diperdagangkan di seluruh dunia (Mohd Bakri, 2010). Pemerdagangan wanita melibatkan perekrutan, pengangkutan, pemindahan, penampungan, atau penerimaan wanita melalui ancaman, paksaan, penipuan, atau bentuk-bentuk penipuan lainnya untuk tujuan eksplorasi.

Sangat membimbangkan lebih-lebih lagi apabila sejarah telah menunjukkan bahawa pemerdagangan wanita telah berada di rantau Asia Tenggara berkurnianya. Menerusi kajian sejarah, terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pemerdagangan orang telah berlaku di rantau Asia Tenggara sejak zaman penjajahan lagi. Hal ini misalnya dapat dilihat menerusi wanita-wanita dari Jepun dan China yang telah bermigrasi melalui Singapura ke negara-negara Asia Tenggara lain untuk berkhidmat sebagai pekerja seks (Firdaus dan Zarina, 2015; Van De Glind dan Kooijmans, 2008).

Jika dibahaskan tentang pemerdagangan wanita yang telah melanda dunia dan Asia Tenggara, sudah tentu Malaysia merupakan salah satu negara yang terlibat dalam isu ini. Di Malaysia sendiri, pemerdagangan wanita atas tujuan eksloitasi seksual telah lama berlaku semenjak zaman sebelum kemerdekaan. Menurut Hanna dan Sharifah (2017), pemerdagangan seks di Malaysia telah lama wujud iaitu sejak penjajahan British ke Tanah Melayu. Pada waktu itu, ramai wanita dihantar ke Taiping, Klang dan Kuala Lumpur yang merupakan tempat perlombongan bijih timah. Tempat tersebut dikatakan mendapat permintaan yang tinggi dalam memerlukan pekerja seks bagi memuaskan nafsu pekerja lombong bijih timah berkenaan (Lin Lean Lim, 1998).

Pemerdagangan wanita melibatkan rangkaian jenayah yang terancang dan merentasi sempadan. Mangsa pemerdagangan wanita adalah mereka yang terlibat dengan kumpulan jenayah terancang yang diperdagangkan dan dipaksa untuk terlibat dalam aktiviti seperti pelacuran, perbudakan domestik dan buruh paksa. Aktiviti pemerdagangan wanita atas tujuan eksloitasi seksual memberikan keuntungan yang banyak kepada kumpulan jenayah terancang kerana wanita boleh digunakan berulang kali. Kara (2010), menyatakan bahawa pengedaran dadah menjana pendapatan yang besar tetapi pemerdagangan wanita lebih menguntungkan. Ianya tidak seperti dadah, wanita tidak perlu ditanam, diusahakan, disulung, dibungkus atau dipakej (Nafisah et al., 2018)

Pemerdagangan wanita dilihat sebagai satu bentuk jenayah tercancang yang menakutkan serta turut melibatkan jaringan global yang sangat luas. Organisasi yang terlibat dalam pemerdagangan wanita disebut sebagai kumpulan jenayah tercancang kerana kumpulan ini beroperasi dengan sangat rapi serta menggunakan pelbagai taktik dan strategi untuk merekrut mangsa. Jenayah pemerdagangan wanita telah memberikan kesan kepada keselamatan negara dan jika diperinci pemerdagangan wanita bagi tujuan eksloitasi seksual telah mengancam keselamatan insan. Keselamatan insan merupakan konsep yang merangkumi pelbagai aspek keselamatan individu. Insan yang merujuk kepada manusia ini saling bergantungan kepada negara dalam aspek keselamatan kerana semakin tinggi nilai keselamatan individu, semakin tinggi nilai keselamatan negara.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Hadin Musa Siregar (2015) mengkaji tentang keberkesanan undang-undang sedia ada mengenai pemerdagangan wanita dan kanak-kanak untuk menghalang sindiket pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak dengan Kepulauan Riau dijadikan kajian kes. Dapatkan kajian mendapati bahawa persoalan terbesar adalah berkaitan dengan hukuman yang tidak setimpal oleh hakim terhadap pelaku pemerdagangan. Penjenayah tidak berasa serik untuk melakukan jenayah ini disebabkan hukuman yang dikenakan tidaklah berat. Di samping itu kajian ini menjelaskan bahawa kerjasama antarabangsa dengan IOM dan Malaysia dapat mengurangkan kegiatan penjenayah pemerdagangan wanita dan kanak-kanak dari Kepulauan Riau dan Batam.

Siti Hanna Aisyah Noorazman & Sharifah Nursyahidah Syed Annuar (2017) dalam kajiannya menyatakan bahawa Malaysia juga bersungguh-sungguh ingin meningkatkan tarafnya dalam TIP Report iaitu daripada Tier 3 pada 2014 dan naik

ke Tier 2 Senarai Pemerhati pada tahun 2015. Usaha Malaysia dan usaha negara-negara ahli ASEAN amat diperlukan supaya jenayah pemerdagangan manusia terutama pemerdagangan seks wanita dapat dibendung. Hal ini adalah amat penting bagi menjamin keselamatan insan dan hak asasi manusia yang harus dirasai oleh semua orang tanpa diskriminasi, apatah lagi apabila isu pemerdagangan seks wanita di Malaysia sudah di tahap membimbangkan dan memerlukan kerjasama negara-negara terbabit.

Nafisah Ilham Hussin et.al (2018) membincangkan kerjasama PDRM dan Tenaganita dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia untuk eksloitasi seksual di Malaysia. Dua objektif utama ialah meneliti usaha-usaha PDRM dan Tenaganita dalam membanteras jenayah pemerdagangan wanita untuk eksloitasi seksual dan menilai kerjasama PDRM dan Tenaganita dalam membanteras jenayah tersebut. Usaha PDRM lebih merujuk kepada aspek penguatkuasaan, penyelamatan dan kesedaran untuk menjamin hak asasi magsa, keselamatan insan dan negara manakala usaha Tenaganita pula dalam aspek advokasi, pencegahan dan pemulihan bertujuan membela hak asasi mangsa. Dari aspek kerjasama antara kedua agensi ini lebih kepada penguatkuasaan dan kesedaran berbanding bentuk kerjasama yang lain.

Nafisah Ilham Hussin (2019) mengkaji pemerdagangan manusia dalam pengeksploitasi seksual di Malaysia berkaitan kesan pemerdagangan manusia dalam pengeksploitasi seksual terhadap keselamatan insan dan negara, keberkesanan serta kelemahan dalam usaha kerajaan Malaysia dalam membanteras pemerdagangan manusia dalam pengeksploitasi seksual dan cadangan penambahbaikan bagi membanteras isu ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa globalisasi menjadi platform pemerdagangan manusia dan eksloitasi seksual di Malaysia. Permintaan berterusan terhadap pelacur membantu mempercepatkan aktiviti jenayah ini yang semakin berkembang di Malaysia. Walaupun kerajaan memainkan peranan untuk membanteras jenayah ini dari aspek penguatkuasaan, perundangan, jagaan dan perlindungan, media serta publisiti, namun dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha-usaha ini kurang berkesan kerana data empirik kajian menunjukkan bahawa mangsa pemerdagangan manusia dalam pengeksploitasi seksual semakin meningkat.

Lili Yulyadi Arnakim dan Muhamad Zulhadis (2021) mengkaji tentang respon kerajaan Malaysia terhadap jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia dari 2010 sampai 2015. Kajian mereka mencadangkan pengenalan beberapa dasar khusus bagi membanteras pemerdagangan manusia ini telah digubal oleh pihak kerajaan. Dasar-dasar berhubung isu pemerdagangan manusia ini sangat penting bagi melihat sejauh mana kerajaan berusaha dan bertindak bagi mengekang jenayah rentas sempadan ini. Penguatkuasaan undang-undang oleh agensi-agensi penguatkuasa utama negara merupakan respon atau tindakan daripada dasar yang telah digariskan oleh kerajaan. Dengan kerjasama yang diwujudkan melalui Jawatankuasa Penguatkuasaan di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), agensi-agensi penguatkuasa ini dilihat mempunyai kekuatan dan mampu membantu satu sama lain bagi menguatkuaskan undang-undang berhubung pemerdagangan manusia.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian awal dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian analisis kepustakaan. Dengan menggunakan kemudahan sedia ada, pencarian dilakukan melalui enjin pencarian seperti Google Scholar dan Elsevier dengan menggunakan kata kunci seperti ‘pemerdagangan’, ‘eksploitasi’ dan ‘seksual’. Kata kunci tamabahan turut digabungkan seperti ‘orang’ dan ‘wanita’ untuk mendapatkan pencarian yang lebih spesifik. Kaedah *snowball* atau bebola salji turut digunakan dengan menganalisis senarai rujukan daripada artikel-artikel yang diperoleh bagi mendapatkan artikel yang lebih banyak sebagai rujukan (Rahim Kamaluddin dan Norruzeyati Che, 2018; Webster dan Watson, 2002).

4.0 KONSEP

Konsep keselamatan insan digunakan dalam mengkaji fenomena eksploitasi seksual pemerdagangan wanita di Malaysia. Keselamatan Insan pertama kali digunakan oleh Setiausaha Agung, Boutros Ghali dalam Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PPB) dalam laporan yang bertajuk *Agenda for Peace* pada tahun 1992. Konsep ini menjadi isu perdebatan sejak pertama kali muncul dan digunakan dalam Human Development Report (HDR) 1994, bertajuk ‘*A New Dimension on Human Security*’ (Zarina et al., 2018). Isu mengenai keselamatan insan, seperti yang dinyatakan oleh bekas Setiausaha Agung PBB Kofi Annan (2001) menjelaskan bahawa keselamatan insan tidak boleh hanya dilihat daripada aspek ketenteraan sahaja. Akan tetapi, harus lebih menjurus kepada pertumbuhan ekonomi, keadilan sosial, perlindungan alam sekitar, demokrasi, perlucutan senjata, dan pengiktirafan kepada hak asasi manusia serta penguatkuasaan undang-undang. Turut dijelaskan bahawa isu keselamatan bukan sahaja ditumpukan kepada peperangan dan mempertahankan negara tetapi sepatutnya keselamatan juga ditumpukan kepada insan kerana insan boleh memberi dan menerima kesan daripada akibat isu keselamatan negara, rantau dan global (Noorazman and Annuar, 2017).

Terdapat beberapa ciri penting yang memberikan identiti terhadap konsep keselamatan insan. Pertama, konsep keselamatan insan adalah bersifat universal, pelbagai dimensi (multi-dimensional). Konsep keselamatan insan juga berciri multidimensi kerana ia menawarkan pendekatan yang bersepadan dan penganalisaan yang merentasi sempadan bidang ilmu sebagai alternatif kepada pendekatan tradisi yang bersifat sektoral, terpisah kepada sektor-sektor tertentu yang spesifik seperti keselamatan, pembangunan, hak asasi manusia dan keamanan (Zarina Othman et.al, 2018). Kedua, komponen keselamatan insan ialah saling bergantungan. Ia merujuk kepada situasi di mana penduduk di lokasi yang berbeza adalah saling memerlukan di antara satu sama lain. Sebagai contoh, jika penduduk di sesuatu tempat mengalami bencana, penduduk di negara-negara lain juga akan merasai tempiasnya seperti seperti isu-isu kebuluran, penyebaran wabak penyakit, pencemaran alam sekitar, kemelesetan ekonomi dan ancaman pengganas (Zarina Othman et.al, 2018). Ketiga, keselamatan insan lebih mudah ditangani melalui pencegahan awal. Dalam bentuk polisi, pihak pemerintah seharusnya menggubal polisi yang boleh menjamin kesejahteraan rakyat sejak dari awal sebelum merebak. Keempat, ia berorientasi

manusia, iaitu memberi tumpuan kepada keselamatan individu atau komuniti (Zarina Othman et.al, 2018).

Seterusnya *Bangi Approach to Human Security and Peace* (BAGHUS) telah dibangunkan bagi memberi pemahaman tentang insan di Asia Tenggara untuk menganalisis ancaman keselamatan insan di Asia Tenggara (Siti Hanna Aisyah & Sharifah Nursyahidah, 2017). Terdapat enam elemen yang telah dikategorikan dalam BAGHUS, elemen pertama adalah dimensi keselamatan yang memberi fokus kepada bencana buatan manusia daripada bencana alam. Elemen kedua BAGHUS adalah memahami bahawa di Asia Tenggara, individu adalah terikat dan mempunyai hubungan yang erat dengan kehidupan bermasyarakat. Hubungan erat dengan masyarakat dipengaruhi oleh kepercayaan agama, budaya dan cara hidup (Siti Hanna Aisyah & Sharifah Nursyahidah, 2017). Elemen ketiga BAGHUS adalah menekankan perlindungan dan memperkasakan individu dan komuniti dengan menganggap bahawa individu dan komuniti adalah ejen yang berubah dan bukannya stastik iaitu tidak mempunyai peranan sebagai ejen perubahan.

Negara mempunyai tanggungjawab untuk melindungi rakyatnya daripada ancaman luaran dan dalaman dengan menyusun strategi serta program-program yang memperkasakan rakyat. Elemen keempat BAGHUS adalah mengiktiraf kepelbagaian identiti dimana memberi perhatian keatas hak umur dan kanak-kanak yang telah membawa kepada dimensi baru dalam menilai keselamatan budaya (Siti Hanna Aisyah & Sharifah Nursyahidah, 2017). Elemen kelima BAGHUS adalah mewujudkan keselamatan sosial sebagai dimensi baru yang disebabkan oleh keunikan sistem sosial di Asia Tenggara. Manakala, elemen terakhir BAGHUS adalah ‘freedom from fear and want’ iaitu setiap insan adalah bebas daripada ketakutan dan rasa diancam (Siti Hanna Aisyah & Sharifah Nursyahidah, 2017; Rashila Ramli et al., 2012).

5.0 DAPATAN

Kedudukan negara Malaysia yang strategik di Asia Tenggara menjadikan Malaysia sebagai negara transit dilengkapi dengan pelabuhan dan terbang. Hal ini membuka ruang kepada jenayah pemerdagangan wanita kerana kedudukan Malaysia terletak di tengah-tengah yang memudahkan laluan kepada mangsa-mangsa pemerdagangan wanita bagi tujuan eksploitasi seksual. Faktor geografi Malaysia yang strategik dan sempadan yang luas menjadikan negara ini sasaran utama bagi sindiket jenayah antarabangsa serta menggunakan Malaysia sebagai titik persinggahan sebelum mangsa dibawa ke destinasi akhir di negara lain (Ahmad, 2019). Hal ini berlaku disebabkan oleh kelamahan dalam penguatkuasaan undang-undang serta persempadanan yang telah membuka ruang kepada jenayah ini terus berlaku. Malaysia perlu meningkatkan usaha dalam menangani isu pemerdagangan manusia dengan memperkuuh undang-undang sedia ada, memperbaiki pengawasan di sempadan, dan meningkatkan kerjasama antarabangsa (Mazlan, 2020).

Selain itu, kenyataan media pada 16 Jun 2023 menyatakan Malaysia kini berada pada Tahap 2 Pemerhatian (Tier 2 Watch List) bagi tahun 2023 yang merupakan sebuah peningkatan setelah 2 tahun berturut-turut berada di Tahap 3 iaitu pada tahun 2021 dan 2022 (*Laporan Pemerdagangan Orang, Trafficking in Person Report (TIP)*, 2023). Walau bagaimanapun, kedudukan pada tahap ini bukanlah

suatu kedudukan yang membanggakan kerana berdasarkan rekod, Malaysia tidak pernah berada pada kedudukan pertama dan sering berubah.

Laporan TIP dari tahun 2012 sehingga 2018 menunjukkan kedudukan terbaik yang pernah dicapai oleh Malaysia iaitu pada Tahap 2. Penilaian ini diambil berdasarkan standard minimum *Trafficking Victims Protection Reauthorisation Act* (TVPRA), terutamanya untuk memberikan perlindungan terhadap mangsa pemerdagangan. Akibatnya, Malaysia tidak berada pada kedudukan yang ideal dan menghadapi risiko sekatan daripada Kerajaan Amerika Syarikat yang boleh menahan atau menarik balik bantuan asing yang berbentuk bukan kemanusiaan dan perdagangan yang berkait dengan Malaysia. Walaupun kenyataan yang dikeluarkan dalam Laporan TIP tidak menyentuh pemerdagangan wanita secara khusus, namun dapat difahami bahawa isu pemerdagangan wanita turut termasuk dalam laporan yang dinyatakan.

Seterusnya, eksloitasi seksual terhadap wanita yang diperdagangkan merupakan jenayah rentas sempadan. Hal ini membentuk ancaman kepada keselamatan negara dan keselamatan insan. Menurut Norruzeyati Che dan Rahim Kamaluddin (2018), seramai 40.3 juta orang telah menjadi mangsa perhambaan moden dengan 71% mangsa adalah wanita dan kanak-kanak (*International Labour Organization (ILO) & Walk Free Foundation*, 2017). Statistik ini menunjukkan bahawa pemerdagangan wanita merupakan satu ancaman bukan ketenteraan yang boleh menggugat keselamatan insan. Pemerdagangan wanita yang dilakukan terdiri daripada beberapa bentuk seperti eksloitasi seks, buruk paksa dan perbudakan domestik. Eksloitasi seksual melibatkan mangsa yang ditipu dengan janji kononnya mendapat pekerjaan dengan gaji lumayan tetapi dipaksa untuk melacurkan diri demi mendapatkan keuntungan. Perkara ini memberi gambaran satu bentuk perhambaan moden yang menyalimi wanita seterusnya menunjukkan ketidakadilan yang turut merosakkan nilai-nilai kemanusiaan.

6.0 PERBINCANGAN

Menyedari bahawa isu pemerdagangan orang membawa pelbagai kesan buruk kepada negara dan membabitkan keselamatan insan, maka kerajaan Malaysia telah menyusun beberapa langkah untuk menangani isu berkenaan. Langkah tersebut ialah menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM 2007), Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2022 (Akta A1644), melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015), Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2016-2020) serta Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2021-2025 (NAPTIP 3.0).

Malaysia terus berusaha dalam menangani isu pemerdagangan manusia yang melanda secara global ini. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Shamsul Anuar dalam ucapannya di Dewan Rakyat berkata sebanyak 562 tangkapan telah dilakukan dengan 992 mangsa telah diselamatkan dalam 2022 hingga 2024 dengan 298 kes pemerdagangan yang direkodkan dalam tempoh yang sama. Pada tahun 2024 (setakat Mac) telah terdapat 38 kes pemerdagangan orang dan melibatkan 59 tangkapan dengan seramai 141 orang mangsa telah diselamatkan (Astro Awani,

2024). Malaysia turut komited dalam membanteras jenayah rentas sempadan, isu pemerdagangan manusia dan penipuan pekerjaan dengan meningkatkan kerjasama dengan negara jiran Thailand. Menteri dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata Thailand mempunyai beberapa program alternatif penahanan yang lebih maju khususnya untuk kanak-kanak dengan melibatkan kerajaan, Badan Bukan Kerajaan NGO), Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) dan juga komuniti setempat (Astro Awani, 2024).

7.0 KESIMPULAN

Eksplorasi seksual terhadap pemerdagangan wanita bukanlah satu perkara baharu malahan telah berlaku bertahun-tahun lamanya bukan sahaja di Malaysia dan Asia Tenggara, tetapi turut berlaku di negara-negara maju seluruh dunia. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan dengan menjalankan undang-undang yang telah sedia ada serta melakukan tangkapan kepada tempat-tempat yang berisiko dijadikan kawasan pemerdagangan orang.

Namun begitu, jenayah pemerdagangan wanita masih lagi berlaku terutama dalam eksplorasi seksual yang memberi ancaman terhadap mangsa dan keselamatan insan. Pemerdagangan wanita merupakan satu jenayah teancang melibatkan perekrutan, pengangkutan, pemindahan, penampungan, atau penerimaan wanita melalui ancaman, paksaan, penipuan, atau bentuk-bentuk penipuan lainnya terhadap mangsa.

Eksplorasi seksual pemerdagangan wanita merupakan satu isu keselamatan insan yang serius yang memerlukan perhatian supaya jenayah ini dapat dikurangkan. Dapatkan kajian ini menekankan keperluan penguatkuasaan undang-undang yang lebih kuat yang perlu dilakukan oleh kerajaan dalam usaha memerangi jenayah pemerdagangan wanita. Justeru, kajian yang akan dijalankan merupakan satu usaha dalam membantu kerajaan dalam menangani jenayah pemerdagangan wanita bagi menjaga hak dan keselamatan mangsa seterusnya dapat meningkatkan keselamatan negara.

Penghargaan

Penyelidikan ini disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2023/SS08/UTHM/02/1). Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada pengkaji terdahulu dan seluruh pihak yang terlibat dalam penulisan ini.

Sumbangan Pengarang

Abd Rahaman, M. A., Rahman, R. dan Samsudin., Proses penulisan melibatkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, dan penyuntingan draf akhir dilaksanakan dan keseluruhan penyediaan artikel disempurnakan secara kolektif oleh semua pihak yang terlibat.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Dasar Sosial Negara. (T.t.).
<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=ZnR2Mk5GVkdDV1JCc2NITnlteHhnUT09>
- Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. (T.t.).
<https://www.jpw.gov.my/index.php/ms/component/tags/tag/dasar-wanita>
- Dasar Keselamatan Negara 2021-2025. (T.t.). <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/DASAR-KESELAMA-TAN-NEGARA-2021-2025.pdf>
- Jamil, M. T., Baharudin, A. M. & Md Jani, S. A. (2012). Pemerdagangan Wanita-Pengharmonian Perundangan Malaysia Menurut Perspektif Islam. *Kertas Kerja yang dibentangkan dalam SHPKPT2012-108*.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid (2015). *Pemerdagangan Manusia: Hak, Hambatan Dan Inisiatif*, Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA).
- Lili Yulyadi Arnakim & Muhamad Zulhadis (2021). Respon Kerajaan Malaysia terhadap Jenayah Pemerdagangan Manusia di Malays ia dari 2010 sampai 2015. Sejarah: *Journal of History Department, University of Malaya*, 30(1): 190-214
- Mat, B., Othman, Z. & Omar, M. K. (2018). Anjakan Paradigma dalam Kajian Keselamatan Insan di Asia Tenggara. *Akademika*, 88(1):193-207
- Mohd. Izani, N. N., Hamdan, N., Che Kasim, A. & Manap, J. (2021). Penderitaan Mangsa Pemerdagangan Orang Di Malaysia. *e-Bangi. Special Issue*, 18(6): 195-209.
- Hamzah, N. A., Othman, N., Musa, W. A. (2019). Pemerdagangan Manusia di Malaysia: Isu dan Usaha Membanteras. *International Journal of Law, Government, and Communication*, 4(15): 130-140.
- Shaari, S. A. (2011). Pemerdagangan Manusia dan Kesannya Terhadap Isu Keselamatan di Malaysia. *Tesis Sarjana. Penerbit Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia*.
- Sinar Harian (2022). Usaha banteras pemerdagangan manusia perlu penglibatan rakyat. <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?a rticleid=270224>
- Noorazman, S. H. A. & Syed Annuar, S. N. (2017). Pemerdagangan Seks Wanita Di Malaysia: Satu Jenayah Globalisasi. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1), 1-19
- UNODC (2022). *Global Report on Trafficking in Persons 2022*. Vienna: United Nations Office on Drugs and Crime.
- U.S. Department of State (2022). *Trafficking in Persons Report July 2022*. <https://www.state.gov/reports/2022-trafficking-in-persons-report/>
- U.S. Embassy in Malaysia (2022). *Laporan Pemerdagangan Orang Julai 2022*. <https://my.usembassy.gov/ms/homepage-ms/laporan-pemerdagangan-orang-2022/>

- Van de Glind, H., & Kooijmans, J (2008). Modern-Day Child Slavery 1. *Children & Society*, 22(3), 150-166.
- Yaakob, W. A. H. (Ed.). 2015. Pemerdagangan Manusia. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia Kementerian Komunikasi Dan Multimedia.